

## **PERSOALAN BID'AH DALAM BERIBADAH DALAM KONTEKS PENGHAYATAN ISLAM DI MALAYSIA<sup>1</sup>**

**Rushdi bin Ramli\***

### **Abstract**

*The guideline for performing acts of worship (ibadah) for Muslims is clearly stated in the Quran and the Sunnah. Acts of worship done conforming to these guidelines will enable Muslims to reach a higher spiritual level with their Creator. Islam forbids acts of worship that is bid'ah in nature. Bid'ah more accurately refers to those acts of worship that are practiced and invented based on logic and desire. The inability to distinguish between righteous ibadah and ibadah that is bid'ah in nature has led to many popular ibadah practiced in Malaysia to be branded as bid'ah, even though these acts of worship do not contravene the principles of Islam and the guidelines of the Quran and the Sunnah. Muslims must possess the right knowledge to distinguish between ibadah which is bid'ah in nature from the various acts of worship that its nature is debated by the Muslim scholars.*

### **Pendahuluan**

Mengabdikan diri kepada Allah (*al-'ubūdiyyah li Allāh*) adalah tugas asasi setiap insan yang berakal dan akil baligh. Beribadah kepada Allah merupakan tujuan hidup yang sebenar dan hakiki. Ia juga merupakan “hak Allah” yang wajib dilaksanakan oleh setiap manusia yang berakal selaku hamba ciptaanNya di muka bumi ini. Allah berfirman yang bermaksud:

---

\* Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>1</sup> Penulisan ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar “Ijtimak Pegawai-Pegawai Masjid Wilayah Persekutuan”, anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 13 Disember 2004.

*“Dan Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada Aku”*

Surah al-Dhāriyāt (51): 56

FirmanNya lagi yang bermaksud:

*“Dan Aku adalah Rabb kamu maka hambakanlah diri kamu kepada Aku”*

Surah al-Anbiyā’ (21): 92

Dan firmanNya lagi yang bermaksud:

*“Katakanlah: sesungguhnya sembahyangku, ibadat-ibadatku, hidupku dan matiku adalah untuk (mencari dan meraih keredaan) Allah semata-mata, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam”*

Surah al-An‘ām (6): 162

Menurut para ulama, terdapat dua syarat yang wajib dipenuhi dalam pelaksanaan ibadat kepada Allah, iaitu;

- a) seseorang itu hendaklah bersifat ikhlas kerana Allah semata-mata di dalam pelaksanaan beribadat. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan mereka tidaklah diperintahkan melainkan supaya mengabdikan diri kepada Allah, dalam keadaan mengikhlaskan agama kepadaNya semata-mata”*

Surah al-Bayyinah (98): 5

- b) seseorang itu hendaklah beribadat kepada Allah berdasarkan SyariatNya, iaitu berdasarkan apa yang diwahyukanNya kepada para RasulNya. Ini dapat difahami dari firman Allah yang bermaksud:

*“Dia telah mensyariatkan untuk kamu hukum-hakam yang berkaitan dengan agama....”*

Surah al-Syūrā (42): 13

### **Cercaan Terhadap Amalan Bid‘ah**

Beribadat kepada Allah berpandukan kepada apa yang diilhamkan oleh hawa nafsu diri ataupun apa yang direka oleh fikiran dan waham diri sendiri adalah dilarang, menyesatkan dan mendatangkan kemurkaan Allah. Sebagai limpahan kurniaNya, Allah

SWT telah menentukan kaedah-kaedah dan amalan-amalan tertentu yang perlu diikuti dalam konteks pelaksanaan ibadat kepadaNya. Ini dapat difahami secara jelas melalui firman Allah yang bermaksud:

*“Bagi tiap-tiap umat Kami jadikan suatu Syariat (syir`ah) dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing)”*

Surah al-Mā'idah (5): 48

Di samping itu, terdapat juga beberapa hadis-hadis sahih yang mengukuhkan lagi kenyataan al-Quran di atas, iaitu hadis-hadis Nabi SAW yang secara jelas melarang umat Islam melakukan perbuatan *bid'ah*, iaitu mengada-adakan rupa bentuk dan metode ibadat yang dibisikkan oleh hawa nafsunya. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

*“Wajiblah kamu berpegang dengan Sunnah aku dan Sunnah khalifah-khalifah aku yang mendapat petunjuk, dan jauhkanlah diri kamu daripada perkara-perkara baru yang diada-adakan (muḥdathāt al-umūr) maka sesungguhnya setiap bid`ah adalah sesat dan setiap kesesatan itu di dalam Neraka (balasannya adalah Neraka)”<sup>2</sup>*

### **Pendirian Mazhab Ahli Sunnah Wa Al-Jama'ah Terhadap Bid'ah (Al-Mubtadi'ah)**

Amaran terhadap kemudaratan dan bahaya amalan yang bersifat *bid'ah* sentiasa diingatkan oleh para ulama muktabar di dalam karya-karya mereka. Sebagai misalan, Imām Aḥmad bin Aḥmad ibn Qudāmah al-Maqdisī, di dalam risalahnya yang terkenal *Lum'ah al-I'tiqād*, menyatakan:

*“Dan daripada (usul-usul pokok mazhab) al-Sunnah ialah meninggalkan para pembuat dan pengamal bid'ah, sentiasa menyalahi mereka dan meninggalkan perbalahan dan perdebatan (yang sia-sia) di dalam agama dan menjauhkan diri dari melihat kitab-kitab para pembid'ah atau mendengar ucapan-ucapan mereka,<sup>3</sup> seperti mazhab al-Rafīdah, al-Jahmiyyah, al-Khawārij,*

---

<sup>2</sup> Abū 'Isā bin Muḥammad al-Tirmidhī (1995), *Sunan al-Tirmidhī*. Kitāb al-'Ilm, Bāb : Mā Jā'a fī al-akhdhī bi al-Sunnah wa Ijtināb al-Bid'ah. Beirut: Dār al-Mughni, h. 156

*al-Qadariyyah, al-Murji'ah, al-Mu'tazilah, al-Karramiyyah, al-Kalabiyyah dan yang seumpama mereka. Maka, ini semua merupakan aliran-aliran yang sesat dan kumpulan bid'ah"*<sup>4</sup>

## **Pembahagian Bid'ah**

Menurut sebahagian ulama, walaupun larangan melakukan *bid'ah* di dalam hadis yang tersebut di atas bersifat umum dan menyeluruh, namun keumuman tersebut telah ditakhshiskan (dikhususkan) oleh dalil-dalil yang lain. Ini bermakna, menurut mereka perbuatan *bid'ah* di dalam Islam boleh dibahagikan kepada *bid'ah* yang diperakui oleh syarak dan *bid'ah* yang dicela oleh syarak. Dengan bahasa lain, tidaklah semua perbuatan *bid'ah* itu perlu dihukum sebagai sesat dan terseleweng dari ajaran Islam.

Antara ulama tersohor yang mendokong pandangan ini merangkumi Imām al-Syāfi'ī, Imām al-Qarāfi, Imām al-Nawāwī dan Imām Ibn Hajar di dalam salah satu pandangannya.<sup>5</sup> Di dalam menjelaskan persoalan ini, Imām al-Syāfi'ī, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī menyatakan bahawa perkara-perkara baru (yang berkaitan dengan amalan-amalan Islam) terbahagi kepada dua:

1. Amalan-amalan baru yang diwujudkan yang bertentangan secara jelas dengan al-Quran atau al-Sunnah atau *al-āthār* atau bercanggah dengan apa yang telah diterima secara ijma' dan sepakat kata oleh ulama, maka inilah bentuk *bid'ah* yang menyesatkan; dan
2. Amalan-amalan baru yang diwujudkan yang jelas daripada amalan kebaikan (*al-khayr*)<sup>6</sup>, dan tidak pula bercanggah dengan al-Quran, al-Sunnah ataupun *ijmā'*; maka ini termasuk dalam kategori perkara baru yang tidak dicerca oleh syarak (*muḥdathah ghayr madhmūmah*)<sup>7</sup>

<sup>3</sup> Agar kita terselamat daripada aliran dan mazhab yang terkeluar daripada mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah.

<sup>4</sup> Ahmad ibn Qudāmah al-Maqdisi (1997), *Lum'ah al-I'tiqād*, Cet. 1. Riyad : Dār al-Tayyibah, h. 355.

<sup>5</sup> Abdul Ra'uf Muhammad 'Uthmān (1414 H), *Mahabbah al-Rasūl Bayn al-Ittibā' Wa al-Ibtidā'*. Riyad : al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah, hh. 215-217.

<sup>6</sup> Yang jelas bersifat amalan salih yang diredai Allah.

<sup>7</sup> Abu Bakr Ahmād al-Bayhaqī (tt), *Manāqib al-Syāfi'i*. Kaherah : Dār al-Turāth, hh. 468-469.

Manakala Imām al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām pula, di dalam karya tersohor beliau *Qawā'id al-Aḥkām fi Maṣāliḥ al-Anām* menyatakan bahawa *bid'ah* merujuk kepada perbuatan yang tidak dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dan ianya boleh dibahagikan kepada *bid'ah* wajib, *bid'ah* haram, *bid'ah* sunat, *bid'ah* makruh dan *bid'ah* *mūbāḥ*. Maka jalan bagi mengenal pasti kedudukan sesuatu perbuatan *bid'ah* itu, apakah ianya wajib, haram ataupun sunat ialah dengan menilai perbuatan *bid'ah* itu berasaskan kepada kaedah-kaedah umum Syariat Islam (*Qawā'id al-Syari'ah*)<sup>8</sup>

Imām Ibn Hajar menyatakan bahawa perkataan *bid'ah* pada asalnya merujuk kepada sesuatu perbuatan baru yang diada-adakan atau diperkenalkan dalam keadaan tidak mempunyai contohnya yang lalu (di zaman Nabi SAW). Maka dari segi syarak, *bid'ah* adalah sesuatu yang menyalahi al-Sunnah dan dengan sebab itu ianya adalah tercela. Walau bagaimanapun, kedudukan yang sebenarnya (mengenai persoalan ini) ialah sekiranya perbuatan baru itu terangkum di dalam kategori perkara-perkara baik menurut neraca syarak, maka ianya adalah baik (*ḥasanah*) dan sekiranya perbuatan baru itu terangkum di dalam kategori perkara-perkara buruk menurut syarak maka ianya adalah buruk. Sekiranya perbuatan baru itu tidak terangkum dalam kategori baik ataupun buruk maka ianya adalah perbuatan harus (yang boleh diamalkan).<sup>9</sup>

Imām Muḥammad bin Isma'īl al-San'ānī menyatakan bahawa sesungguhnya para ulama telah membahagikan *bid'ah* kepada lima bahagian iaitu *bid'ah* yang wajib seperti kewajipan memelihara ilmu Agama dengan menyusun buku dan kewajipan menangkis golongan jahat dengan mengemukakan hujah dan dalil, *bid'ah* sunat seperti membina pusat-pusat pengajian dan sekolah, dan sebagainya. Maka ungkapan Nabi SAW "*Setiap bid'ah adalah sesat*" adalah ungkapan yang umum yang perlu ditakhsīskan<sup>10</sup>

Imām Ibn Rajab al-Hanbali pula menyatakan bahawa *bid'ah* merujuk kepada amalan-amalan baru yang diperkenalkan (di dalam Islam), yang tidak ada dalilnya di dalam Syariat Islam. Adapun amalan-amalan baru yang mempunyai dalil dan sandarannya

---

<sup>8</sup> 'Izz al-Dīn Ibn 'Abd al-Salām (1388 H), *Qawā'id al-Aḥkām fi Maṣāliḥ al-Anām*. Mesir: Maktābah al-Kulliyat al-Azhariyyah, h. 114.

<sup>9</sup> Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Ali Ibn Hajar al-'Asqalānī (tt), *Fath al-Bāri Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*. J 4, Beirut : Dār al-Ma'rifāt, h. 318.

<sup>10</sup> Muḥammad bin Ismā'īl al-San'ānī (1995), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām*. j 2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 48.

maka ianya tidak dianggap sebagai *bid'ah* dari segi syarak, sebaliknya ianya hanyalah dianggap sebagai *bid'ah* dari segi bahasa”<sup>11</sup>

Manakala ulama semasa tersohor Profesor Dr Wahbah al-Zuhaylī menyatakan bahawa bukannya semua amalan-amalan baru di dalam Islam yang tidak dilakukan pada zaman Nabi SAW dan tidak juga pada zaman khalifah al-Rāsyidīn merupakan *bid'ah* yang dicela dan dikeji. Sebaliknya, ada ketikanya seseorang Muslim itu melakukan sesuatu amalan yang menepati dasar-dasar Syariat Islam. Amalan itu pula diperakui oleh al-Quran ataupun hadis-hadis Nabi SAW secara tidak langsung (secara yang dapat difahami daripada al-Quran dan al-Sunnah), maka amalan seumpama ini bukanlah daripada *bid'ah* yang diingkari atau *bid'ah* yang menyesatkan”.<sup>12</sup>

Syaykh Muḥammad ‘Alawī al-Malikī al-Ḥasanī menyatakan tidak semua amalan *bid'ah* boleh dihukum sebagai haram. Sekiranya inilah keadaannya, nescaya haramlah hukumnya perbuatan Abu Bakr, ‘Umar dan Zayd menghimpun serta membukukan al-Quran bagi tujuan memelihara al-Quran, dan haramlah hukumnya membukukan ilmu-ilmu agama yang bermanfaat. Kerana itu para ulama telah membatasi [*taqyīd*] ungkapan Nabi SAW “*Setiap bid'ah adalah sesat*” kepada perbuatan *bid'ah* yang tidak baik di mana pembatasan seumpama ini adalah berdasarkan apa yang dapat dilihat dalam kehidupan para Sahabat Nabi SAW dan para Tābi‘īn di mana mereka telah melakukan beberapa perkara-perkara baru yang tidak dilakukan pada zaman Nabi SAW.<sup>13</sup>

Kesimpulannya, terdapat tiga fakta penting yang didukung oleh ulama-ulama yang dinyatakan di atas iaitu :

1. Perkataan *bid'ah* dirujuk kepada apa sahaja yang diperkenalkan ke dalam Islam selepas kewafatan Nabi SAW, sama ada perkara baru tersebut sesuatu yang baik ataupun yang tercela.
2. Cercaan terhadap *bid'ah* yang bersifat umum yang terdapat di dalam nas-nas syarak merupakan ungkapan umum yang perlu ditakhsīṣkan.

---

<sup>11</sup> Kenyataan ini dipetik dari Wahbah al-Zuhaylī (1999), *al-Bida' al-Munkarah*. Damsyiq: Dār al-Maktabī, h. 12.

<sup>12</sup> *Ibid*, h. 5.

<sup>13</sup> Muḥammad Alawī al-Mālikī al-Ḥasanī (1419H), *Manhaj al-Salaf Fī Fahm al-Nuṣūṣ Bayn al-Nazariyyah Wa al-Tāḥḥiq*, Kaherah: t.n.p, h. 396.

3. Segala perbuatan-perbuatan *bid'ah* tidak akan terkeluar daripada ketetapan lima hukum syarak iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

## **Hujah Para Ulama Mengenai Pembahagian *Bid'ah* Kepada Yang Terpuji Dan Yang Dikeji**

Antara hujah-hujah yang menjadi sandaran golongan ini dalam konteks pembahagian *bid'ah* kepada yang dipuji dan yang dicela ialah :<sup>14</sup>

1. Mereka bersandar kepada kata-kata Sayidina 'Umar ibn al-Khaṭṭāb tatkala beliau menghimpun umat Islam bagi menunaikan solat Tarawih secara berjemaah: "Sebaik-baik amalan *bid'ah* ialah apa yang aku lakukan ini". Menurut penjelasan Imam Abū al-Walīd Sulaymān bin Khalaf al-Bājī, ungkapan Sayidina 'Umar di sini merupakan pernyataan yang jelas bahawa beliau merupakan orang yang pertama yang menghimpun kaum Muslimin bagi tujuan mendirikan solat tarawih dengan satu imam. Ini adalah kerana perkataan *bid'ah* merujuk kepada apa yang diperkenalkan oleh seseorang tanpa didahului oleh orang lain.
2. Mereka bersandar kepada ucapan Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*"Barang siapa yang memperkenalkan (sanna) satu sunnah kebaikan (jalan kebaikan), maka dia akan memperoleh pahalanya dan juga pahala mereka yang beramal dengannya tanpa dikurangi sesuatu pun daripada pahala-pahala mereka, dan barang siapa yang mengemukakan satu sunnah kejahatan maka dia akan menanggung dosanya dan juga dosa-dosa mereka yang beramal dengannya tanpa dikurangi sesuatu pun daripada dosa-dosa mereka"*<sup>15</sup>

Dalam mengulas hadis ini Imam al-Nawāwī menyatakan bahawa di dalam hadis ini wujud unsur *pentakhsīṣan* terhadap aspek keumuman hadis "*Setiap perbuatan yang baru itu adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat*";

---

<sup>14</sup> 'Abd al-Ra'ūf Muḥammad Uthman (1414H), *op.cit.*, hh. 221-225.

<sup>15</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyayri (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāh, bāb al-Hathth 'alā al-Ṣadaqah, Beirut : Dār Ibn Ḥazm, h. 340.

maka apa yang dimaksudkan dengan *bid'ah* di sini ialah perbuatan-perbuatan baru yang batil dan dicela oleh syarak"<sup>16</sup>

Imam al-Syātibī menyatakan, perkataan *sannā* di dalam hadis tersebut bermaksud memperkenalkan sesuatu amalan yang baru (*ikhtara'a, ibtada'a*), dan bukannya bermaksud beramal dengan sesuatu sunnah yang telah sabit di dalam syarak,<sup>17</sup> maka sekiranya yang dimaksudkan itu ialah beramal dengan atau menghidupkan sesuatu sunnah yang telah sabit maka pasti Nabi SAW tidak akan menggunakan ungkapan *sanna*.<sup>18</sup>

3. Mereka juga bersandar kepada amalan para *Salaf al-Ṣālih* dari kalangan para Sahabat Nabi dan para *tabi'in* di mana terdapat amalan-amalan tertentu yang dianggap baik dan diterima secara ijmak oleh mereka sedangkan tidak terdapat nas-nas yang jelas, sama ada di dalam al-Quran ataupun al-Sunnah, mengenai kedudukan amalan-amalan tersebut. Antara contohnya ialah seperti amalan menghimpun al-Quran sebagai sebuah buku di zaman Abu Bakr al-Siddīq, amalan mengkhatamkan keseluruhan al-Quran di dalam sembahyang tarawih secara membahagi-bahagikannya kepada beberapa juzuk, pembacaan azan pertama pada waktu solat Jumaat di mana ianya merupakan sesuatu yang diperkenalkan oleh Sayidina 'Uthmān bin 'Affān, dan melakukan solat Aidil Fitri di dalam masjid, kerana berdasarkan sunnah, Nabi SAW melaksanakan solat Aidil Fitri di kawasan padang yang lapang.<sup>19</sup>

### **Beberapa Amalan Masyarakat Islam di Malaysia Yang Tidak Wajar Dihukumkan *Bid'ah* Yang Menyesatkan**

1. Merayakan Maulud Nabi SAW yang diisikan dengan amalan-amalan salih yang bermanfaat kepada individu dan masyarakat;
2. Merayakan hari-hari kebesaran Islam, seperti sambutan Maal Hijrah dan *Isrā' wa al-Mi'raj*, dengan diisi dengan program-program yang bermanfaat kepada umat Islam;

---

<sup>16</sup> Abū Zakariya bin Syaraf al-Nawawī (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*. Beirut: Dār al-Fikr, j. 7, h. 104.

<sup>17</sup> Sebagaimana yang ditafsirkan oleh sebahagian ulama.

<sup>18</sup> Abū Ishaq Ibrahim bin Musa al-Syatibi (tt), *al-I'tisām*. Muḥammad Rasyīd Riḍā (ed), Beirut : Dar al-Fikr al-'Arabi, j. 1, h. 179.

<sup>19</sup> Muḥammad bin Sayyid al-'Alawī al-Mālikī al-Ḥasanī (1419H), *op. cit.*, h. 372.



3. Menentukan tertib dan bilangan bagi pembacaan zikir-zikir tertentu yang perlu diamalkan dalam konteks *taqarrub ilā Allāh*, seperti membaca *yā Allah* 1000 kali sehari;
4. Membaca surah *Yāsīn* dan bertahlil beramai-ramai di malam Jumaat seperti yang diamalkan di masjid-masjid di Malaysia;
5. Mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah di rumah-rumah tertentu, dengan niat menyedekahkan pahala pembacaan al-Quran dan jamuan yang dihidangkan kepada si mati;
6. Pembacaan zikir secara menyebut nama Tuhan seperti, *Allah, Allah, Allah*, yang diamalkan oleh ulama-ulama tarekat tertentu;
7. Membaca doa dan berzikir secara beramai-ramai selepas menunaikan sembahyang fardu;
8. Mengadakan majlis perhimpunan *zikkullāh*, sebagaimana yang diadakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu;
9. Mengolah ungkapan-ungkapan doa ataupun rangkaian-rangkaian kata zikir yang tidak bertentangan dengan neraca syarak sebagaimana perkara ini sering dilakukan oleh ulama-ulama tersohor Islam;
10. Membaca doa Qunut sembahyang Subuh;
11. Mencium tangan ibu bapa dan orang-orang alim dengan tujuan menghormati dan menzahirkan kasih dan sayang, bukannya dengan niat menyembah ataupun melakukan sujud dan ruku'. Ibn 'Umar menyatakan, "Kami pernah mencium tangan Nabi SAW.". Profesor Dr Wahbah al-Zuhayli menyatakan, "Terdapat segelintir ulama yang melarang perbuatan ini dan terdapat yang mengharuskannya, namun dalil dan hujah golongan yang mengharuskan adalah *lebih kuat*, namun mestilah dengan syarat ciuman itu tidak membawa kepada 'ujub, kesombongan dan sebagainya."<sup>20</sup>

### **Adakah Beribadat Secara Keterlaluan (*al-mubalaghah fi al-'ibādah*) Termasuk Amalan *Bid'ah* yang Dilarang?**

Apa yang dimaksudkan dengan *al-mubālaghah fi al-'ibādah* ialah melakukan amal-amal ibadat dalam bilangannya atau caranya atau kaifatnya yang melebihi adat kebiasaan, seperti mendirikan solat sunat sepanjang malam, bersembahyang sehingga ratusan rakaat, berzikir sehingga ribuan malahan puluhan ribuan kali di dalam sehari semalam, mengkhatakkan keseluruhan al-Quran dalam sehari semalam dan sebagainya. Walaupun Islam menyarankan konsep kesederhanaan dan keseimbangan di dalam

---

<sup>20</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1999), *op. cit.*, h.2

segala perkara namun adakah wajar beribadat secara keterlaluan seperti ini, yang merupakan pakaian hidup sebahagian para ulama dan para ahli Sufi, dianggap sebagai satu *bid'ah* yang tersasar?

Bagi menjawab persoalan ini, penulis memetik kata-kata Shaykh Muḥammad Sayyid al-‘Alawī al-Mālikī, “Secara kesimpulannya kami dapat merumuskan bahawa melaksanakan ibadat secara keterlaluan seperti mendirikan sembahyang sunat di sepanjang malam, mengkhatam al-Quran dalam sehari semalam, menunaikan ribuan rakaat sembahyang dan melakukan *al-mujāhadah* dan *al-riyādah* (latihan pengeangan runtunan hawa nafsu seperti yang banyak dilakukan oleh ahli-ahli sufi dan tarekat) bukanlah daripada amalan *bid'ah*, dan bukan juga daripada sesuatu yang dilarang oleh syarak. Sebaliknya, ianya adalah sesuatu yang disarankan oleh Islam,<sup>21</sup> namun terdapat sembilan syarat yang perlu dipenuhi oleh ahli ibadat tersebut iaitu:

1. Amalan ibadat yang dilakukan itu tidak membawa kepada kebosanan dan kejemuhan sehingga hilangnya rasa nikmat beribadat dan lupusnya tumpuan hati terhadap Tuhan yang disembah;
2. Ibadat yang dilakukan itu tidak membawa kepada kepayahan dan kesukaran (*masyaqqah*) yang tidak mampu ditanggung oleh dirinya;
3. Ibadat yang dilakukan itu tidak menyebabkan seseorang itu meninggalkan ibadat-ibadat lain ataupun kewajipan-kewajipan lain yang lebih penting dan lebih utama menurut ukuran syarak. Ini adalah berasaskan kepada hakikat menunaikan ibadat yang wajib adalah lebih utama daripada menunaikan ibadat yang sunat;
4. Tidak keterlaluan di dalam beribadat sehingga menyebabkan seseorang itu mengabaikan hak-hak yang wajib dilaksanakan (*al-ḥuqūq al-syar‘iyyah*) seperti hak isteri, hak anak-anak, hak tetamu, dan sebagainya;
5. Orang yang melaksanakan ibadat tersebut tidak beranggapan bahawa mengambil *rukhsah* itu (mengggunakan unsur-unsur keringanan di dalam beribadat sebagaimana yang diizinkan oleh syarak) sebagai tidak baik;
6. Tidak keterlaluan di dalam beribadat sehingga menyebabkan seseorang itu mewajibkan apa-apa yang tidak wajib pada hukum asal atau mengharamkan apa-apa yang tidak haram pada hukum asal;

---

<sup>21</sup> Sudah pasti hal ini adalah sesuatu yang disarankan oleh Islam dan perlu dihayati oleh setiap Muslim kerana tujuan hidup itu sendiri adalah untuk memperbanyakkan amal-amal kebaktian, bukannya menghabiskan masa di dalam perkara-perkara yang sia-sia.

7. Keterlaluannya di dalam beribadat itu tidak menyebabkan segala rukun dan syarat ibadat tidak dilaksanakan dengan sempurna (secara yang sewajarnya menurut hukum *fiqh*);
8. Orang tersebut hendaklah tetap beriltizam di dalam melaksanakan ibadat-ibadat yang telah ditentukan untuk dirinya sebagai amalan hariannya kecuali apabila terdapat keuzuran. Ini adalah berdasarkan sabda Nabi SAW, “*Sebaik-baik amal ibadat di sisi Allah ialah amal ibadat yang dilaksanakan secara berterusan sekalipun sedikit*”;<sup>22</sup> dan
9. Keterlaluannya di dalam beribadat tersebut tidak menyebabkan orang lain merasa jemu dan bosan, iaitu sekiranya ibadat tersebut melibatkan penyertaan orang ramai;<sup>23</sup>

Manakala Syaykh al-Nabulisi di dalam kitabnya *al-Hādīqah al-Nadiyyah* menyatakan bahawa segala apa yang diriwayatkan perihal generasi *al-Salaf al-Ṣāliḥ* yang berkaitan dengan kesungguhan dan mujahadah-mujahadah mereka (di dalam beribadat kepada Allah) sama sekali tidak menyalahi dasar-dasar agama Islam; sebaliknya tuntutan terhadap kesungguhan beribadat seperti itu terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah, iaitu pada hak mereka yang mempunyai keupayaan rohani untuk melakukannya di mana apa yang mereka lakukan itu merupakan amalan-amalan sunat tambahan yang melebihi daripada apa yang ditaklifkan syarak.<sup>24</sup>

Kerana itu, berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan di atas, penulis berpendapat bahawa sikap dan amalan sebahagian besar para ulama Sufi dan tarekat yang menetapkan serta menganjurkan pembacaan rangkai kata *dhikr allāh* dengan bilangan-bilangan tertentu yang besar jumlahnya, seperti 1,000 kali, atau 5,000 kali atau 10,000 kali, yang perlu disempurnakan dalam sehari semalam, tidak wajar sama sekali dihukumkan sebagai satu “perbuatan *bid'ah* yang tersasar” atas alasan Nabi Muhammad SAW tidak pernah menetapkan bilangan-bilangan tersebut.

Dalam menjelaskan persoalan ini Syaykh Muḥammad Sayyid ‘Alawī menyatakan, “Sesungguhnya adalah sesuatu yang sabit lagi sah bahawa Nabi SAW, berdasarkan sesetengah riwayat, tidak bersembahyang sunat melebihi 11 rakaat sama ada di bulan

---

<sup>22</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyayri (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab Ṣalāh al-Musāfir, Bāb Faḍīlah al-‘Amal al-Dā’im. Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 140.

<sup>23</sup> Muḥammad Sayyid al-‘Alawī al-Ḥasanī (1419H), *op. cit.*, hh. 259-262.

<sup>24</sup> al-Nabulisi (t.t), *al-Hādīqah al-Nadiyyah Syarḥ al-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah*. Beirut: Dār al-Turāth al-‘Arabi, j. 1, h. 228.

Ramadan ataupun pada bulan-bulan yang lain. Dan begitu juga telah berlaku *ijmā`* secara amali di kalangan para ulama tentang *keharusan* seseorang Muslim melaksanakan *qiyām al-layl* (menghidupkan waktu malam dengan beribadat) dengan bersembahyang melebihi 11 rakaat ataupun kurang daripadanya, di mana keharusan ini dikembalikan kepada kadar kemampuan seseorang. Kerana itu sekiranya umat Islam terikat dengan kadar bilangan seperti apa yang telah dilakukan oleh Nabi SAW di mana menyalahi perbuatan Nabi SAW dianggap sebagai haram, nescaya para Sahabat tidak akan menambah bilangan solat Tarawih di zaman khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb kepada 20 rakaat dan begitu juga di zaman khalifah ‘Umar bin Abd al-‘Azīz kepada 36 rakaat. Kerana itu setiap Muslim adalah lebih memahami mengenai keupayaan dirinya, maka sekiranya dia menetapkan untuk dirinya kadar dan bilangan tertentu daripada amalan ibadat yang perlu dilakukan dan sanggup beriltizam di dalam melaksanakannya maka itu adalah daripada sebaik-baik amalan pada hak dirinya sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadis Nabi SAW”<sup>25</sup>

### **Merayakan Hari-hari Kebesaran Islam Seumpama Hari Kelahiran Nabi Muhammad SAW, Adakah Daripada Perbuatan *Bid’ah* Yang Dicela?**

Mengadakan upacara sambutan Maulud Nabi SAW adalah antara amalan-amalan popular dalam masyarakat Islam hari ini yang tidak wajar sama sekali dihukumkan sebagai *bid’ah* yang tercela. Adalah perlu bagi umat Islam melihat terlebih dahulu bagaimana sambutan Maulud Nabi tersebut dilaksanakan dan ke manakah arah tujuhnya. Imam Aḥmad ibn Taymiyyah menjelaskan bahawa boleh jadi dan ada ketikanya orang ramai akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah melalui perayaan Maulud Nabi yang mereka lakukan. Dan ketahuilah bahawa di sebalik kepelbagaian amalan yang dilakukan oleh umat Islam, ada ketikanya terdapat kebaikan dan kebajikan yang nyata (*khayr*) iaitu bilamana majlis-majlis tersebut dipenuhi dengan jenis-jenis ibadat yang disyariatkan oleh Islam, dan ada ketikanya di dalam majlis yang sama juga terdapat perkara-perkara yang buruk (*syarr*) iaitu amalan-amalan *bid’ah* dan amalan-amalan lain yang tidak direstui Islam. Maka sesungguhnya ramai di kalangan umat Islam dewasa ini telah diuji dengan perkara-perkara seperti ini (percampuran antara amalan yang baik dan amalan yang tidak baik di dalam satu majlis). Kerana itu hendaklah kita berpegang dengan dua adab iaitu:

---

<sup>25</sup> Muḥammad Sayyid al-‘Alawī al-Ḥasani (1419H), *op.cit*, hh. 404-405.

- a) Hendaklah kita bersungguh-sungguh berpegang dengan al-Sunnah, yang merangkumi aspek zahir dan batin, dan hendaklah kita memperakui apa yang baik dan mengingkari apa yang buruk; dan
- b) Hendaklah kita menyeru orang ramai (yang tersasar) ke arah menghayati al-Sunnah menurut kemampuan kita. Maka sekiranya kita melihat seseorang itu melakukan sesuatu kemungkaran maka janganlah kita menyuruh orang tersebut meninggalkan kemungkaran itu sekiranya perbuatan kita itu akan menyebabkan orang tersebut melakukan suatu kemungkaran lain yang lebih besar keburukannya.<sup>26</sup>

Di tempat yang lain beliau menyatakan lagi, “Maka mereka yang membesarkan hari kelahiran Nabi SAW dan menjadikannya sebagai satu hari perayaan (*mawsim*) ada ketikanya boleh mendatangkan pahala yang besar kepada mereka disebabkan niat mereka yang baik dan perbuatan mereka membesarkan diri Nabi SAW.”<sup>27</sup>

### **Mengadakan Majlis Tahlil Dan Kenduri Arwah, Adakah Daripada Amalan Bid'ah Yang Menyesatkan?**

Mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah adalah antara amalan-amalan popular di dalam masyarakat Melayu Islam. Sesungguhnya mengadakan majlis-majlis tahlil dan arwah seumpama ini tidak wajar sama sekali dihukumkan sebagai amalan *bid'ah* yang menyesatkan. Imam Abu Ja'far al-Tahāwī di dalam risalah terkenalnya *I'tiqād Ahl Sunnah Wa al-Jamā'ah* menyatakan: “Dan di dalam amalan berdoa (oleh) mereka yang masih hidup dan sedekah-sedekah mereka<sup>28</sup> terdapat manfaat dan faedah bagi mereka yang telah mati”<sup>29</sup>. Di dalam mengulas kenyataan ini, Imam Ibn Abī al-'Izz menyatakan, antara lain, “Sesungguhnya seorang Muslim yang telah mati akan mendapat manfaat daripada pahala-pahala ibadat yang disedekahkan kepadanya oleh orang lain (yang masih hidup), sama ada ibadat-ibadat tersebut merupakan ibadat *badaniyyah* seperti puasa, berdoa ataupun ibadat *māliyyah* seperti ibadat haji, ibadat korban, ibadat sedekah.....” Kemudian Imām Ibn Abī al-'Izz menyatakan lagi, “Adapun membaca al-Quran dan menghadihkan pahalanya kepada si mati dengan niat ikhlas kerana Allah tanpa mengambil sebarang upah, maka pahala amalan seperti ini akan sampai

---

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 399.

<sup>27</sup> *Ibid*, h. 399.

<sup>28</sup> Yang diniatkan untuk bersedekah kepada si mati.

<sup>29</sup> Salah 'Abd al-Fattāh al-Khālidi (2000), *al-Qabasāt al-Sanniyyah Min Syarḥ al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, Damsyiq : Dār al-Qalam, h. 331.

kepada si mati sekalipun amalan seperti ini tidak pernah dilakukan oleh para *Salaf al-Ṣāliḥ*. Maka realiti para Salaf al-Ṣāliḥ yang lalu tidak melakukan amalan-amalan seperti ini tidak menunjukkan bahawa amalan tersebut adalah haram dan tidak dibenarkan.....”<sup>30</sup>

### **Cara Beramal Yang Tidak Pernah Dilakukan Oleh Rasulullah SAW Ketika Hidup Baginda, Adakah Benar Menjadi *Dalil* Dan Hujah Kepada Pengharaman Amalan Tersebut?**

Satu kekeliruan yang kerap terjadi dalam konteks perbincangan amalan-amalan *bid'ah* yang dicela ialah apabila terdapat kefahaman yang menetapkan satu kaedah yang mengatakan bahawa tatkala tertib sesuatu amalan itu tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW, dan tidak juga oleh para *Salaf al-Ṣāliḥ* (seperti amalan-amalan wirid yang dicadangkan oleh ulama-ulama tarikat terkemudian, membaca doa beramai-ramai selepas solat), maka amalan tersebut adalah dianggap haram ataupun satu *bid'ah* yang menyesatkan”. Ekoran daripada kaedah yang mengelirukan ini maka hampir ke semua amalan-amalan salih dan kebajikan umat Islam dewasa ini, yang jelas mendatangkan *maṣlahah* kepada umat Islam dianggap sebagai sesat dan *bid'ah* yang diingkari sehingga ruang lingkup beribadat kepada Allah kelihatan begitu kecil dan rumit.

Di dalam merungkai kekeliruan ini Syaykh Muḥammad bin al-Sayyid ‘Alawī al-Malikī menjelaskan: “Keadaan dan hakikat Nabi SAW ataupun para *Salaf al-Ṣāliḥ* tidak melakukan sesuatu amalan salih itu (seperti yang diamalkan oleh umat Islam hari ini) bukanlah menjadi dalil (yang menunjukkan pengharaman amalan tersebut), bahkan keadaan ini menunjukkan tidak wujudnya dalil (terhadap pengharaman amalan tersebut). Ini adalah kerana dalil pengharaman hendaklah berasaskan kepada nas al-Quran ataupun al-Sunnah yang jelas, yang mengharamkan sesuatu perbuatan itu secara khusus ataupun mengingkarinya”<sup>31</sup>

Di tempat yang lain beliau menjelaskan bahawa para ulama *Uṣūl Fiqh* telah membahagikan perbuatan-perbuatan yang tidak dilakukan oleh Nabi SAW kepada dua bahagian iaitu *al-tark al-wujūdī* dan *al-tark al-‘adamī*. Menurut penjelasan beliau, *al-tark al-‘adamī* merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang Nabi SAW tidak

---

<sup>30</sup> *Ibid*, h. 331

<sup>31</sup> Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī al-Ḥasanī (1419H), *op.cit.*, hh. 412-413

melakukannya, atau tidak bercakap mengenainya atau tidak menjelaskan hukumnya, seperti insiden-insiden yang berlaku selepas kewafatannya. Menurut para ulama, *al-tark al-'adami* tidak dapat dijadikan dalil dan hujah dalam penetapan hukum terhadap sesuatu perkara dan perbuatan. Sabda Nabi SAW. yang bermaksud:

*“Yang halal ialah apa yang Allah halalkan di dalam kitabNya dan yang haram adalah apa yang Allah haramkan di dalam kitabNya dan apa-apa yang Allah berdiam diri mengenainya maka ianya adalah daripada apa yang Allah memaafkannya”*<sup>32</sup>

Dan sabdanya lagi yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah telah memfardukan beberapa kefarduan maka janganlah kamu mengabaikannya dan telah melarang beberapa larangan maka janganlah mencerobohnya dan telah mendiamkan diri dari beberapa perkara bukan kerana terlupa, tetapi sebagai rahmat untuk kamu....”*<sup>33</sup>

Maka anda melihat bagaimana Nabi SAW telah mengembalikan hal ehwal manusia yang berkaitan dengan apa yang wajib mereka lakukan dan apa yang wajib mereka tinggalkan kepada dua kaedah yang besar ini iaitu wujudnya perintah dan larangan. Maka, sekiranya tidak terdapat nas-nas syarak yang berkaitan dengan hukum perbuatan-perbuatan tertentu, iaitu tidak terdapat sama ada, perintah syarak agar melakukannya atau perintah syarak agar meninggalkannya maka perbuatan tersebut tidak sah untuk dihukumkan sebagai perbuatan larangan. Sebaliknya, perbuatan tersebut akan kekal dengan kedudukannya sebagai suatu perbuatan harus<sup>34</sup> ataupun suatu perbuatan yang tersunyi hukumnya di dalam syarak.<sup>35</sup>

---

<sup>32</sup> Abū 'Īsā bin Muḥammad al-Tirmidhi (1995), *Sunan al-Tirmidhi*. Kitāb al-Libās, bāb Mā jā'a Fī Labs al-Farā', Beirut : Dār al-Mughni, h. 356.

<sup>33</sup> al-Daruqutni (tt), *Sunan al-Dāruqutni*. Kitāb al-Rida', Beirut : Dār al-Turāth al-'Arabī, h. 567.

<sup>34</sup> Dan dalam konteks perbincangan di sini amat wajar dinyatakan bahawa sesuatu perbuatan yang hukum asalnya adalah harus akan menjadi sunat dan *mustahabb* kerana wujudnya kebaikan-kebaikan dan masalah yang diperakui syarak, sebagaimana yang dibincangkan oleh para ulama.

<sup>35</sup> Muḥammad 'Alawī al-Mālikī al-Ḥasanī (1419H), *op.cit.*, hh. 418-419

Berasaskan kepada huraian di atas kita dapat merumuskan bahawa ruang lingkup beribadat kepada Allah, khususnya amalan-amalan yang bersifat sunat dan *mustahabb*, adalah terlalu luas dan pelbagai, yang boleh disusun, dirancang dan diprogramkan oleh seseorang Muslim dalam usahanya untuk menghampirkan diri kepada Allah. Ini seperti memperbanyakkan amalan-amalan zikir yang diperakui syarak, menetapkan pembacaan dua juzuk al-Quran sehari, membaca *subhānallah* 5,000 kali sehari, menetapkan jadual pembacaan surah-surah tertentu di malam-malam tertentu dan sebagainya, dengan syarat amalan-amalan yang dilakukan itu adalah daripada bentuk-bentuk ibadat yang dianjurkan serta disyariatkan oleh Islam.

### **Adakah Bertawasul Dengan Nabi Muḥammad SAW Selepas Kewafatan Baginda Termasuk Perbuatan *Bid'ah* yang Menyesatkan?**

Jumhur ulama *Ahli Sunnah Wa al-Jamā'ah* mengharuskan bertawassul dengan Nabi Muhammad SAW selepas kewafatan Baginda SAW. Menurut para ulama, kaedah bertawassul yang diharuskan di sini ialah seperti mengucapkan: “Ya Allah, aku memohon kepada Mu, dengan berkat kebenaran dan kemuliaan Nabi Mu Muhammad SAW (*bi haqqi nabiyyika wa bi jahihi*) agar Engkau memakbulkan doaku”. Imam Ahmad ibn Hanbal menjelaskan, “Bertawassul dengan Nabi SAW ketika Baginda SAW masih hidup dan setelah baginda wafat adalah harus, namun memohon pertolongan (*ghawth*) kepada makhluk - seperti mengucapkan wahai Muhammad, tolonglah aku!, atau wahai shaykh `Abdul Qadīr al-Jīlāni!, tolonglah aku, sembuhkanlah penyakit aku, maka ianya adalah haram dan tidak dibenarkan.”<sup>36</sup>

### **Adakah Menuruti dan Bertaklid Kepada Ijtihad *Fiqh* Imam-Imam Mujtahid Tertentu Daripada Perbuatan *Bid'ah* Yang Dicela?**

Kepelbagaian pandangan para Imam mujtahid dalam isu-isu *fiqh* tertentu ekoran daripada ijtihad yang mereka lakukan sama sekali tidak boleh dianggap sebagai perkara *bid'ah* yang dicela. Sebaliknya, ianya merupakan satu rahmat dalam konteks memperluaskan serta mempelbagaikan pandangan-pandangan para ulama dan para *fuqahā'* tersebut di dalam meleraikan masalah-masalah *fiqh*, terutamanya dalam menghadapi persoalan-persoalan *fiqh* semasa umat Islam. Sesungguhnya ini merupakan satu rahmat yang teramat besar kerana ia akan memungkinkn umat Islam di seluruh pelusok bumi yang berbeza latar-belakang, suasana, cuaca dan adat budaya mereka mengamalkan ajaran-ajaran Islam dalam acuan yang paling menepati *maṣlahah* kehidupan mereka.

---

<sup>36</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1999), *op.cit.*, h. 43.



Imām Ibn Qudāmah al-Maqdisī menyatakan, “Adapun persoalan bertaklid kepada Imam-Imam tertentu di dalam masalah cabang dan *furū`* agama, seperti perbuatan kita menuruti dan bertaklid kepada salah satu daripada mazhab Imam-Imam mujtahid yang empat, maka ini bukanlah daripada apa yang dicela di dalam Islam.<sup>37</sup> Maka, sesungguhnya *berikhtilaf* dan berbeza pendapat di dalam masalah-masalah *furū` fiqh* ini adalah rahmat (bagi umat Islam) dan ulama-ulama mujtahid yang telah *berikhtilāf* dalam masalah-masalah *furū`* tersebut adalah terpuji dan tidak tercela. Malah mereka diberikan pahala ekoran daripada ijtihad yang mereka lakukan, di mana *ikhtilāf* mereka merupakan suatu rahmat yang besar dan kesepakatan mereka (dalam bab-bab ataupun hukum tertentu) merupakan *hujjah* yang muktamad (yang tidak boleh disanggah oleh umat Islam)”<sup>38</sup>

### ***Ikhtilaf* Di dalam Masalah Akidah (*al-ikhtilāf al-I'tiqādī*), Apakah Pendirian Kita dan Adakah Perkara Ini Sesuatu Yang Tercela Dan Perlu Dihindari?**

Kewujudan pelbagai aliran, pemikiran dan mazhab dalam masalah-masalah akidah telah berlaku dan masih berlaku di dalam sejarah perkembangan Islam. Antara mazhab-mazhab yang pernah wujud adalah seperti mazhab *Mu'tazilah*, *Jabariah*, *Qadariyah*, *Musyabbihah*, *Mujassimah* dan sebagainya. Apakah pendirian terbaik kita dalam konteks penghayatan Islam di Malaysia?

Bagi menjawab persoalan ini penulis memetik beberapa penetapan, rumusan dan resolusi al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī yang diadakan di Mekah al-Mukarramah pada 17 Oktober, 1987 iaitu, “Sesungguhnya *ikhtilāf* mazhab-mazhab yang pelbagai yang berlaku di dalam negara-negara Islam pada hari ini didapati dalam dua bentuk :

1. *Ikhtilāf* di dalam mazhab akidah (*al-madhāhib al-I'tiqādiyyah*) dan
2. *Ikhtilāf* di dalam mazhab *fiqh* (*al-madhāhib al-fiqhiyyah*).

Adapun *ikhtilāf* di dalam masalah akidah sesungguhnya insiden ini merupakan satu musibah yang telah menimpa negara-negara Islam, yang telah memecahbelahkan saf-saf umat Islam dan perpaduan mereka. Perkara ini merupakan satu insiden yang

---

<sup>37</sup> Malah bagi umat Islam yang tidak mempunyai kapasiti dan kelayakan untuk berjihad dan mengeluarkan hukum-hakam syarak secara langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah, maka mereka hendaklah menuruti mana-mana Imam-Imam mujtahid yang muktabar, sebagaimana firman Allah [maksudnya], “*Dan tanyalah kepada ahli ilmu sekiranya kamu tidak mengetahui*” [al-Nahl, 43]

<sup>38</sup> Muḥammad ibn Qudamah al-Maqdisī (1997), *op. cit.*, h. 368.

teramat menyedihkan, yang sewajarnya tidak berlaku dan tidak dibiarkan berlaku di mana umat Islam sewajarnya bersatu-padu di atas mazhab *Ahli Sunnah Wa al-Jamā'ah* yang mewakili pemikiran akidah Islam yang tulen dan sejahtera sebagaimana yang terdapat pada zaman Rasulullah SAW dan pada zaman khalifah Islam yang empat.

*Ikhtilāf* dalam sesetengah masalah *fiqh* adalah berasaskan kepada sebab-sebab ilmiah di mana hal ini mempunyai hikmah yang teramat nyata. Antaranya, memperlihatkan kasih dan rahmat Allah terhadap hamba-hambaNya, membuka ruang yang luas yang berkaitan dengan proses *istinbāt* hukum-hakam daripada nas-nas syarak dan, ekoran daripada itu, wujudlah khazanah *fiqhiyyah tasyrī'iyah* yang akan mempermudah umat Islam melaksanakan ajaran-ajaran Islam. Apabila sesuatu komuniti Islam yang berpegang kepada salah satu daripada mazhab-mazhab *fiqh* mendapati kesukaran dan kerumitan pada masa-masa tertentu atau di dalam kes-kes tertentu maka mereka akan mempunyai jalan keluar dari kerumitan tersebut dengan merujuk kepada ijtihad mazhab-mazhab yang lain. Perkara ini boleh terjadi sama ada dalam persoalan ibadat, muamalat, kekeluargaan atau kehakiman di mana kesemua ijtihad tersebut adalah bersandarkan kepada dalil-dalil syarak yang sah. Justeru, *ikhtilāf* dari bahagian yang kedua ini bukanlah satu kekurangan dan bukan juga satu elemen pertentangan yang berlaku di dalam agama kita. Sebaliknya, *ikhtilāf* seperti ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana nas-nas syarak kerap kali boleh ditafsirkan dengan lebih dari satu pengertian.

Begitu juga tidak mungkin bagi nas-nas syarak yang asal (al-Quran dan al-Sunnah) menyentuh dan merangkumi keseluruhan insiden-insiden yang berlaku dan akan berlaku di sepanjang zaman. Ini adalah kerana nas tersebut adalah bersifat terbatas sedangkan insiden dan peristiwa tidak terbatas. Maka kerana itu tidak boleh tidak bagi para ulama, dalam usaha mereka mencari ketetapan yang tepat dan benar, untuk merujuk kepada kaedah *qiyās*, mengkaji 'illah hukum-hakam, mengkaji matlamat *al-Syar'i* dan tujuan-tujuan umum Syariah Islam lalu diaplikasikan kepada insiden-insiden yang baru di mana dalam proses inilah berlakunya kepelbagaian pandangan dan *tarjihāt* para ulama lalu berbezaalah ijtihad mereka dalam isu yang sama.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup> Lihat petikan ini di dalam Muḥammad 'Alawi Mālikī al-Ḥasanī (1419H), *op. cit.*, hh. 433-432.

## **Beberapa Amalan Popular Di Dalam Gerakan Tarekat Di Malaysia: Wajarkah Dihukum Sebagai Amalan *Bid'ah* Yang Tercela lagi Menyesatkan?**

### ***Mengadakan Ḥalaqah Zikir Mingguan***

Majlis-majlis zikir adalah antara upacara utama yang ditekankan di dalam gerakan-gerakan tarekat. Majlis-majlis zikir yang diadakan secara mingguan, bulanan atau sempena peristiwa tertentu tidak wajar sama sekali dihukum sebagai *bid'ah* yang menyesatkan sekiranya majlis tersebut dipenuhi dengan pembacaan rangkaian-rangkaian zikir dan doa yang tidak salah menurut syarak. Perintah berzikir kepada Allah yang bersifat umum (*dalālah 'umūm al-naṣṣ*) adalah terlalu banyak di dalam al-Quran dan, ekoran daripada itu, seseorang Muslim itu sewajarnya berzikir kepada Allah di dalam setiap masa dan keadaan, sama ada secara berseorangan ataupun secara berjemaah. Malah kelebihan berzikir secara berkumpulan ini dinyatakan di dalam beberapa hadis yang sahih seperti sepotong hadis yang berbunyi:

*“Tidaklah satu kaum berhimpun di dalam salah satu daripada rumah-rumah Allah dengan tujuan membaca al-Quran dan mempelajari kandungannya melainkan diturunkan ketenangan dan rahmat kepada mereka, dan para malaikat mengelilingi mereka dan Allah menyebut mereka pada sesiapa yang berada di sisiNya”<sup>40</sup>*

Walau bagaimanapun, sekiranya majlis zikir tersebut dicampuradukkan dengan amalan-amalan tertentu yang jelas haram dan dilarang oleh nas-nas syarak maka majlis tersebut wajar dihindari dan dihukum sebagai haram. Ini adalah berdasarkan kaedah *fiqh* “Menjauhkan kerosakan (perbuatan dosa dan maksiat) hendaklah didahulukan (menjadi keutamaan) daripada mendatangkan kemaslahatan”<sup>41</sup>

### ***Berzikir Dengan Sebutan “Allah, Allah, Allah” (al-ism al-mufrad)***

“Allah” adalah kalimah Arab yang merujuk kepada zat Pencipta dan Pentadbir kepada sekalian alam dan kerana itu berzikir secara mengulang-ulangi nama yang teragung ini

---

<sup>40</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī (1998), *Sahih Muslim*, Kitāb al-Dhikr, bāb Faḍl al-ijtimā‘ ‘alā tilāwah al-Qur’ān wa ‘alā al-dhikr. Beirut : Dār Ibn Ḥazm, h. 740.

<sup>41</sup> ‘Umar Abdullah Kamil (2001), *al-Taṣawwuf Bayn al-Ifrāṭ Wa al-Tafriṭ*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 216.

tidak wajar dihukum sebagai *bid'ah* yang menyesatkan. Menurut Imam al-Qurtubī, seorang ulama tafsir muhtabar, lafaz “Allah” adalah seagung-agung dan selengkap nama yang Tuhan berikan kepada zatNya. Terdapat segelintir ulama yang menyanggah secara keras amalan berzikir dengan mengulangi nama Allah secara tersendiri, iaitu tidak dilafazkan di dalam rangkaian kata ayat yang lengkap (*jumlah tāmamah*). Walau bagaimanapun, bagi segolongan ulama yang lain, amalan seperti ini bukanlah *bid'ah*, malah ianya adalah harus dan dianggap sebagai salah satu jalan dan metode terbaik di dalam proses memperdalamkan rasa kewujudan dan kebesaran Allah di dalam hati.

Persoalannya, adakah ungkapan berzikir *Allah, Allah, Allah* yang diulang menurut bilangan-bilangan tertentu salah dan tersasar dari sudut bahasa? Bagi menjawab persoalan ini, penulis memetik penjelasan Syaykh Muḥammad Zakī Ibrāhīm, “Adapun pengucapan “*Allah, Allah, Allah*”, dari sudut bahasa, ataupun pengucapan nama-nama Tuhan yang lain secara tersendiri (*al-asmā' al-mufradah*), maka ianya adalah harus dan tidak salah dari segi bahasa. Ini adalah kerana melafazkan nama-nama Tuhan tersebut secara *mufrad* pada hakikatnya mengungkapkan nama-nama tersebut di dalam satu ayat yang lengkap. Maka perkataan “Allah” yang dilafazkan itu, jika ditinjau dari segi *i`rab*,<sup>42</sup> boleh diterima sama ada, sebagai *khobar* kepada *mubtadā'* yang tersembunyi, di mana pengertian ucapannya akan menjadi (boleh diandaikan maknanya) sebagai “Pencipta dan Pentadbirku adalah Allah”, atau sebagai *mubtadā'* yang disembunyikan *khabarnya*, di mana pengertian ucapannya boleh diandaikan sebagai “Allah adalah *Rabbku*, atau Allah adalah *Zat yang Berkuasa*”. Ia juga boleh menjadi *maf'ūl* bagi *fi`il* yang disembunyikan, di mana pengertian ucapannya boleh diandaikan sebagai “Aku memohon ampun kepada Mu, ya Allah”. Allah berfirman yang bermaksud:

“Katakanlah “Allah”, kemudian biarkan mereka bermain-main di dalam kesesatan.....”

Surah al-An‘ām (6) : 91

Maka lafaz “Allah” di dalam ayat ini dibaca secara *marfū'* (berbaris depan) berasaskan kepada, sama ada ianya sebagai *mubtadā'* atau sebagai *khobar*. Maka di dalam ayat ini terdapatnya isyarat yang halus terhadap keindahan berzikir dengan menyebut kalimah “Allah”. Dan begitu juga Nabi SAW telah mendengar pembacaan *dhikr mufrad* dan kemudiannya memperakuiinya. Sesungguhnya telah diriwayatkan bahawa Nabi SAW

---

<sup>42</sup> Dari sudut tatabahasa bahasa Arab.

telah mendengar Bilal bin Rabah melafazkan secara berulang *Aḥad, Aḥad, Aḥad, (Allah yang Esa)*...ketika beliau disiksa kerana keislamannya namun Nabi SAW tidak melarang perbuatan tersebut. Adalah jelas bahawa *Aḥad* adalah salah satu daripada nama-nama Tuhan yang indah di mana perbuatan Nabi SAW membiarkan Bilal melakukannya merupakan satu bentuk *Sunnah Iqrāriyyah (perakuan secara tidak langsung melalui perbuatan Nabi SAW)* yang wajar diamalkan”<sup>43</sup>

### ***Pembacaan al-Aḥzāb dan Wirid yang Disusun oleh Para Ulama Terkemudian***

Terdapat segelintir ulama yang mengharamkan pembacaan *aḥzāb* (rangkaiannya-rangkaian doa dan wirid yang disusun oleh para ulama) dengan alasan ianya tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW. Namun apa yang jelasnya pembacaan *aḥzāb* ini tidak wajar sama sekali dihukumkan sebagai *bid'ah* yang tercela dan menyesatkan kerana pembacaan *aḥzāb*, jika diteliti secara jujur, tidak lebih daripada himpunan bacaan yang merangkumkan pelbagai doa dan permintaan kepada Tuhan semesta alam. Sesungguhnya amalan berdoa adalah daripada ibadat yang paling utama dan seseorang Muslim itu disunatkan berdoa walaupun mungkin rangkaian doa tersebut adalah daripada susunan dirinya sendiri.

### **istilah-istilah Tasawuf (*iṣṭilāḥāt ‘ulamā’ al-tasawwuf*) Di Dalam Disiplin Tarekat: Adakah Daripada *Bid'ah* Yang Menyesatkan?**

Perkembangan disiplin ilmu-ilmu Islam yang pelbagai telah melahirkan pelbagai istilah-istilah baru yang diperkenalkan oleh ulama-ulama tertentu, yang bertujuan untuk memperincikan serta mempermudah pembelajaran disiplin ilmu-ilmu tersebut. Hakikat ini tidak terkecuali di dalam perkembangan ilmu tasawuf (ilmu penyucian jiwa dan hati) di mana terdapat perkataan-perkataan tertentu yang baru diperkenalkan seperti istilah *al-waqt, al-maqām, al-hāl, al-wajd, al-qabd, al-bast, al-syarī‘ah, al-ḥaqīqah, al-ṭarīqah, al-sukr, al-fanā’, al-baqā,* dan sebagainya. Adakah memperkenalkan istilah-istilah baru seperti ini termasuk daripada amalan *bid'ah* yang menyesatkan?

Bagi menjawab persoalan ini penulis mendukung penjelasan Dr ‘Umar ‘Abd Allāh Kāmil di mana beliau menyatakan bahawa terdapat di kalangan ulama-ulama hadis mereka yang mengingkari sikap dan pendirian ulama-ulama tertentu (ulama-ulama tasawuf dan sufi) yang cuba membincangkan secara terlalu terperinci hal ehwal yang

---

<sup>43</sup> Muḥammad Zakī Ibrāhīm (t.t), *Ma‘ālim al-Masyrū‘ Wa al-Mamnū‘ Min Mumārasāt al-Tasawwuf al-Mu‘āṣir*, Beirut : Dār Ibn Ḥazm, h. 14.

berkaitan dengan hati dan jiwa manusia dan cuba berinteraksi dengan istilah-istilah baru tersebut. Namun satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah ramai dari kalangan ulama-ulama salaf dan ulama-ulama tersohor tertentu yang diperakui kewibawaannya dalam dunia Islam dan cuba menyusun *usul-usul* ilmu Penyucian Diri (*uṣūl tazkiyah al-nafs*) berasaskan kepada istilah-istilah tersebut, seperti Sahl al-Tustari, al-Ḥārith al-Muḥāsibī, al-Junayd al-Baghdādi, Maʿruf al-Karkhī, dan ramai lagi. Kesimpulan daripada apa yang dibincangkan oleh ulama-ulama tersebut ialah istilah-istilah kerohanian tersebut tidak lebih daripada suatu usaha untuk memperincikan serta memperdalamkan persoalan-persoalan yang dinyatakan secara ringkas oleh al-Quran dan al-Sunnah (*mā ajmalahu kitāb Allāh wa al-Sunnah*) daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan penyucian jiwa dan batin dalam proses seseorang itu menghampirkan dirinya kepada Allah. Kerana itu apabila wujudnya istilah-istilah baru (*alfāz hadithah*) maka apa yang perlu dan sewajarnya diberikan perhatian ialah meneliti dan mengkaji segala konsep, idea dan pemikiran yang cuba diungkapkan oleh istilah-istilah tersebut. Seandainya istilah-istilah tersebut cuba mengungkapkan serta memperincikan pengertian-pengertian yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah maka ianya tidak lebih daripada istilah-istilah baru yang cuba menjelaskan idea-idea al-Quran. Sebaliknya, sekiranya istilah-istilah tersebut mengungkapkan makna-makna yang terkeluar daripada maksud al-Quran dan al-Sunnah ataupun menyalahi al-Quran dan al-Sunnah maka inilah rupa bentuk *bid'ah* yang Nabi SAW memerintahkan kita menjauhinya.<sup>44</sup>

### **Bersuluk, Beruzlah Dan Berkhalwat Untuk Tempoh Tertentu (*al-khalwah al-munassaqah al-mu'aqqatah*) Dalam Konteks Menuju Allah : Adakah Daripada Amalan Bid'ah Yang Tercela?**

Mengasingkan diri daripada masyarakat bukannya kaedah asal di dalam konsep kehidupan seorang Muslim yang sejati. Sebaliknya, Islam menggalakkan pergaulan yang sihat dan baik, yang boleh menyuburkan ikatan ukhawah sesama umat Islam. Kerana itu apakah amalan bersuluk, berkhalwah dan beruzlah (untuk tempoh tertentu) yang diamalkan di dalam ajaran-ajaran tarekat seperti tarekat Khalwatiyah dan tarekat Naqsyabandiyah termasuk dalam kategori amalan *bid'ah* yang tersasar dan terseleweng? Penulis secara ikhlas dan yakin terdorong untuk menyatakan tidak.

Dari segi istilah, bersuluk dan berkhalwat bermaksud mengasingkan diri dari orang ramai, dan kebiasaannya dilakukan di bawah penyeliaan dan pengawasan seorang

---

<sup>44</sup> 'Umar 'Abd Allah Kāmil (2001), *op. cit.*, hh. 231-232.

Shaykh tarekat, untuk satu jangka masa tertentu (*'uzlah mu'qqatah*) dengan niat untuk menghampirkan diri kepada Allah<sup>45</sup>, memperbaiki amalan zahir dan batin dan menyuburkan keimanan kepada Allah. Perlu dinyatakan di sini bahawa amalan beruzlah dan berkhalwat yang perlu diamalkan dalam tarekat-tarekat tertentu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan dan mampu dilakukan oleh setiap Muslim. Ini adalah kerana amalan tersebut menuntut disiplin diri yang tersangat tinggi seperti perlu mengurangkan makan, minum, tidur, bercakap dan kemudiannya masa-masanya diisi sepenuhnya dengan amalan-amalan yang wajib dan sunat. Dengan bahasa lain, dalam tempoh bersuluk tersebut latihan memerangi dan mengekang kehendak-kehendak nafsu syahwat dilancarkan dengan sesungguhnya-sungguhnya agar setiap detik dan masa terisi dengan pengabdian diri yang sebenarnya kepada Allah, agar setiap pergerakan tergerak atas dasar menuntut keredaan Allah semata-mata, bukan lagi bagi tujuan memenuhi kehendak hawa nafsu yang bermacam-macam.

Inilah latihan diri yang dianggap perlu dan wajib oleh para Syaykh tarekat yang muktabar bagi tujuan menjernihkan jiwa dari segala bentuk kekotoran *ma'nawī* dan bagi mencapai *maqām al-ihsān* yang tertinggi dan perkara ini amat bersesuaian dengan kenyataan Allah yang bermaksud:

*“Dan mereka-mereka yang bermujahadah<sup>46</sup> (mengekang hawa nafsu) bagi tujuan menuntut keredaan Kami pasti Kami akan menunjuki mereka jalan-jalan Kami.....”*

Surah al-'Ankabūt (29) : 69

Di dalam menyimpulkan persoalan ini Syaykh Sa'īd Hawwā menyatakan, “Ringkas katanya amalan beruzlah, berkhalwat dan pengasingan diri yang tidak melibatkan pengabaian terhadap sesuatu yang diwajibkan Allah, (hukum asalnya) adalah daripada kelompok amalan-amalan harus sekalipun mungkin amalan beruzlah tersebut tidak menghasilkan sebarang *maṣlahah*. Namun seandainya amalan beruzlah tersebut dapat mendatangkan *maṣlahah* yang jelas kepada pengamalinya, seperti dapat merawat serta

---

<sup>45</sup> Memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada Allah dan amal-amal ibadat yang wajib dan sunat.

<sup>46</sup> Menurut penjelasan Imam al-Nasafi, ungkapan *jahadū* di dalam ayat ini bersifat umum dan tidak terikat, maka kerana itu ianya merangkumi maksud yang luas, iaitu bermujahadah melawan apa sahaja yang dapat menghalang perjalanan manusia menuju Allah seperti dorongan hawa nafsu, bisikan syaitan dan musuh-musuh agama; Abu al-Barakat Abdullah bin Ahmad bin Mahmūd al-Nasafī (1999), *Madārik al-Tanzīl Wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl*. Beirut: Dar Ibn Kathir, j 2, h. 687.

mempertingkatkan rohaninya yang sakit atau dapat menambahkan ilmu pengetahuan atau dapat menyuburkan keimanannya maka tidak syak lagi bahawa hukum amalan berzulah seumpama ini telah bertukar pada haknya daripada harus kepada sunat, dan mungkin juga kepada wajib sekiranya itulah sahaja satu-satunya pendekatan yang dapat memperbaiki hatinya yang telah sakit atau menyelamatkan dirinya daripada apa yang haram”.<sup>47</sup>

Dari satu segi yang lain kita tidak dapat menafikan bahawa amalan bersuluk dan berkhawat mempunyai banyak persamaan dari segi tujuan dan objektif dengan amalan beriktikaf yang jelas disyariatkan di dalam Islam. Ketika mengulas mengenai objektif amalan beriktikaf ini, Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyatakan, “...dan Tuhan telah mensyariatkan kepada umat Islam amalan beriktikaf yang tujuan dan matlamat terbesarnya ialah supaya hati seseorang itu menjadi tertumpu dan tertumpah kepada Allah semata-mata, dapat berkhawat dan bersunyi-sunyi dengan Allah semata-mata, dapat memutuskan segala hubungan dengan alam makhluk dan keduniaan bagi tujuan memberikan tumpuan terkhusus kepada Allah semata-mata sehingga (ke tahap) rasa keenakan, kemanisan dan kemesraan hati adalah tertumpah kepada Allah semata-mata, sebagai gantian (*badalan*) kepada rasa kemesraan dan kemanisan dengan makhluk selama ini.... Maka inilah maksud yang terbesar di dalam pensyariatan amalan iktikaf”<sup>48</sup>

### **Persoalan *Fanā'* (Hilang Kesedaran Dan Tumpuan kepada segala sesuatu yang lain dari Allah) Dalam Tahap-Tahap Peningkatan Kerohanian Menuju Allah, Wajarkah Dihukum Sebagai *Bid'ah* Yang Menyesatkan Lagi Tersasar?**

*Fanā'* adalah antara ungkapan yang paling kerap dinyatakan dalam perbincangan ilmu tarekat. Ini adalah kerana pencapaian *fanā'* dianggap antara tahap-tahap pencapaian kerohanian tertinggi yang perlu dilalui dan ditempuhi oleh seorang *sālik* dalam usahanya untuk mencapai hakikat *ma'rifāt Allāh*. Persoalan apakah pengalaman *fanā'* yang dialami oleh para *sālik* termasuk dalam kategori *bid'ah* yang diingkari, kerana al-Quran dan al-Sunnah tidak pernah menggunakan ungkapan *fanā'* ini, ataupun sebaliknya jika *fanā'* ditafsirkan sebagai pengalaman penyatuan antara zat manusia dan zat Tuhan di mana penyatuan itu dianggap sebagai sesuatu yang benar-benar berlaku pada saat tersebut, sebagaimana yang diyakini dan didukung oleh mazhab *al-hulūl wa al-ittihād*,

<sup>47</sup> Sa'id Hawwa (1988), *Tarbiyatunā al-Rūḥiyyah*, Cet. 2. Mesir : Dār al-Salām, h. 123.

<sup>48</sup> Kenyataan ini dipetik oleh Abu Usāmah Sālim bin Id al-Hilālī (1997), *Bahjah al-Nāzirīn Sharh Riyāq al-Ṣāliḥīn*. al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah: Dār Ibn al-Jawzi, j. 2, h. 395.



maka sudah pasti kefahaman *fanā'* seperti ini adalah sesuatu yang menyesatkan dan terkeluar dari Islam. Ini adalah kerana mazhab Ahli sunnah Wa al-Jama'ah telah bersepakat dan berijmak menyatakan bahawa zat Tuhan untuk selama-lamanya bersifat *bā'in* dan *'uluww* (di luar dan di atas) daripada zat makhlukNya. Oleh itu sebarang ajaran yang mewajarkan penyatuan antara Allah dan manusia adalah jelas tersasar daripada akidah Ahli Sunnah.

Namun sekiranya pengalaman *fanā'* ditafsirkan sebagai suatu pengalaman kerohanian atau ledakan kerohanian yang mendalam dalam menyaksikan serta merasai *rubūbiyyah* Allah dan di dalam menyaksikan sifat-sifat dan perbuatan Allah di dalam segenap alam ciptaanNya. Ekoran daripada pengalaman tersebut tumpuan dan kesedaran segala sesuatu yang lain dari Allah menjadi lupus dan hilang (dalam tempoh tersebut) maka tafsiran seperti ini tidak wajar dihukumkan sebagai *bid'ah* yang tersasar. Ini adalah kerana pengalaman kerohanian tersebut tidak lebih daripada pencapaian *maqām al-ihsān* yang terlalu tinggi, yang diperakui kebenarannya oleh Nabi SAW melalui sabdanya, "*al-Ihsān ialah anda mengabdikan diri kepada Allah seolah-olah anda melihatNya....*"<sup>49</sup>

Mungkin ada di antara kita yang berhujah apakah perlu seorang Muslim itu bermujahadah dan beramal sehingga mencapai tahap-tahap kerohanian seumpama ini sehingga boleh membawa kepada ketidaksedaran terhadap dirinya dan juga terhadap alam sekeliling? Penulis ingin menjawab dengan menyatakan bahawa :

1. Pengalaman *fanā'*, menurut penjelasan para ulama tasawuf, bukanlah suatu pengalaman kerohanian yang berterusan dan tetap. Dalam apa keadaan sekalipun seseorang itu akan akhirnya kembali kepada sifat dan tabiat semulajadinya iaitu kesedaran terhadap dirinya dan alam sekeliling;
2. Bakat, kebolehan dan kecenderungan antara seseorang dengan yang lain dalam konteks pembinaan kerohanian (ikatan jiwa dengan Allah) adalah tidak sama. Kerana itu konsep beribadah di dalam Islam adalah terlalu luas sehingga memungkinkan setiap individu mengembangkan bakat masing-masing dalam usahanya mencari keredaan Tuhan. Kerana itu adalah tidak wajar untuk menghukum sebagai sesat dan tersasar individu-individu tertentu yang diberikan Allah kekuatan rohani yang utuh di dalam beribadat dan kecenderungan yang mendalam untuk mencapai *maqām-maqām* yang tertinggi tersebut.

---

<sup>49</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyayri (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Imān, Bāb Bayān al-Imān wa al-Islām wa al-Ihsān, Beirut : Dār Ibn Ḥazm, h. 60.

Sesungguhnya kehadiran golongan-golongan seumpama ini bakal mendatangkan rahmat dan *barakah* kepada alam yang kita huni;

3. Ketidaksedaran terhadap diri sendiri dan alam sekeliling ekoran dari rasa asyik yang keterlaluan terhadap Allah ketika beribadat bukanlah suatu pengalaman yang mesti berlaku dalam proses peningkatan jiwa menuju Allah. Menurut Imām Ibn Taymiyyah, ramai dari kalangan ulama-ulama Sufi muktabar telah mencapai *maqām* kerohanian tertinggi namun kesedaran dan kepekaan diri dan akal mereka terhadap alam sekeliling tidak pernah terjejas. Menurut penjelasan Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah, pengalaman fana' bukanlah sesuatu yang mesti berlaku di kalangan para *Sālikīn*, sebaliknya ianya hanya terjadi pada sebahagian mereka seperti yang berlaku pada Abū Yazīd Bistami dan ahli-ahli Sufi seumpama beliau. Terdapat di kalangan ahli Sufi yang tidak diuji (*la yubtalā*) dengan pengalaman hilang kesedaran yang mutlak di mana inilah golongan yang lebih sempurna dan lebih kuat (tahap kerohaniannya). Maka sesungguhnya tidak ada seorang pun dari kalangan para Sahabat Nabi SAW – di mana kesemua mereka merupakan ketua para *'Ārifīn* dan Imam para *al-Wāsilīn* (golongan yang telah sampai kepada hakikat *ma'rifah allah* dan martabat tawhid yang tertinggi) - yang telah ditimpa dengan pengalaman *fanā'* tersebut di sebalik kekuatan kehendak mereka (untuk mencapai maqam tertinggi di sisi Allah). Maka kerana itu sekiranya *fanā'* yang diertikan sebagai hilang kesedaran yang mutlak terhadap segala sesuatu yang lain dari Allah adalah suatu kesempurnaan nescaya merekalah golongan yang paling berhak untuk mencapainya dan merekalah golongan ahli *fanā'* yang sebenarnya.<sup>50</sup>
4. Pembinaan keimanan kepada Allah dari tahap keimanan yang berpaksikan akal kepada keimanan yang dapat dirasai kemanisan dan kesyahduannya oleh hati adalah satu kemestian dalam kehidupan seorang Muslim. Apakah sebenarnya yang menggerakkan serta memacu segala tindakan dan perbuatan lahiriah seorang manusia? Jawapannya adalah hatinya, iaitu segala sesuatu yang menguasai dan menyelubungi hati nuraninya. Siapakah yang dapat menafikan hakikat ini? Apakah mungkin seseorang itu dapat menjadi seorang hamba Allah yang salih dalam keadaan hatinya masih terpesona, terpaut dan terikat kepada objek-objek fizikal alam kebendaan, dikuasai oleh keinginannya untuk menjadi kaya dan ternama, dikuasai oleh keinginannya untuk mendapat pangkat keduniaan tertinggi dan disanjung, dikuasai oleh dorongan hawa nafsu kebinatangan? Segala

---

<sup>50</sup> Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Abū Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Madārij al-Sālikīn*. Kaherah: Dār al-Hadith, j. 1, h. 176.

yang dinyatakan ini akan menjawab persoalan mengapa pembinaan keimanan yang menghasilkan penyaksian hati terhadap *rubūbiyyah*, *ulūhiyyah* dan sifat-sifat Allah adalah terlalu penting. Sesungguhnya seburuk-buruk tuhan yang disembah adalah hawa nafsu yang menguasai manusia.

### **Fahaman *Wahdah al-Wujūd* Dalam Ajaran Tarekat: Adakah Tersasar Dan Apakah Pendirian Terbaik Kita**

Ungkapan *wahdah al-wujūd* adalah antara istilah yang cukup popular dan kerap ditemui di dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan ilmu tarekat dan penyucian diri. Persoalan sama ada istilah ini adalah sesuatu yang menyesatkan dan dianggap sebagai *bid'ah* yang tersasar ataupun tidak kembali kepada bagaimana istilah tersebut ditafsirkan. Sekiranya lafaz ini ditafsirkan sebagai satu doktrin yang mempercayai bahawa Tuhan dan alam semesta adalah pada hakikatnya satu entiti yang sama, seperti apa yang difahami oleh penganut mazhab pantheism, iaitu tidak wujud sama sekali apa yang disebut sebagai zat Maha Pencipta dan zat makhluk yang dicipta, maka sudah pasti doktrin seumpama ini merupakan satu penyelewengan yang nyata.

Namun penelitian yang menyeluruh dan teliti terhadap ajaran yang disampaikan oleh ulama-ulama sufi dan tarekat yang muktabar tidak memperlihatkan anutan dan dokongan mereka terhadap doktrin yang tersasar ini. Imam tarekat *Naqsyabandiyyah*, Shaykh Baha'uddin Naqsyaband menyatakan, "Apa sahaja yang terlihat, yang terdengar atau dialami secara rohani (oleh seseorang *sālik* di dalam perjalanan suluknya) adalah sesuatu yang lain dari zat Allah (bukannya Allah) dan kerana itu kesemua objek-objek tersebut hendaklah dinafikan dengan lafaz penafian *la ilāha illa allāh...*"<sup>51</sup> Adalah terlalu jelas daripada kenyataan ini bahawa beliau membezakan antara Maha Pencipta dan makhluk yang dicipta.

Sebaliknya, apa yang mereka maksudkan dengan *wahdah al-wujūd* adalah hampir sama dengan apa yang diistilahkan oleh sebahagian ulama Sufi sebagai *wahdah al-syuhūd* iaitu pengalaman rohani seseorang yang memuncak sehingga tersaksilah oleh hatinya sifat-sifat zat Tuhan dan sifat-sifat perbuatan Tuhan di dalam setiap objek yang wujud di sekelilingnya sehingga ingatannya kepada segala sesuatu yang lain dari Tuhan telah lupus dan hilang. Ungkapan *wahdah al-wujūd* dengan pengertian seperti

<sup>51</sup> Muḥammad 'Abd al-Ḥaqq Anṣārī (1986), *Sufism and Shariah*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 55.

<sup>52</sup> Penyaksian melalui mata hati.

ini boleh dilihat di dalam penulisan-penulisan ulama-ulama Melayu tersohor yang lampau. Sebagai misalannya, apabila Syaykh Abd al-Şamad al-Jawi membicarakan perihal tauhid martabat keempat, beliau menyatakan, “.....Martabat tauhid yang keempat ialah dia (ahli ibadah tersebut) tidak melihat di tengah-tengah wujud alam ini melainkan zat Tuhan yang Esa yang *Wājibul Wujūd*. Inilah penyaksian<sup>52</sup> golongan *al-Siddiqīn* dan orang-orang Sufi menamakannya sebagai *al-fanā’ fi al-tawhīd* (fana di dalam menyaksikan keesaan Tuhan) di mana dia tidak melihat dirinya<sup>53</sup> kerana batinnya tenggelam di dalam menyaksikan zat Tuhan yang Maha Esa.....”. Beliau seterusnya menyatakan, “.....tauhid martabat inilah yang dinamakan ilmu Haqiqat, ilmu Makrifat dan *Wahdah al-Wujūd*”<sup>54</sup>

Di dalam mengulas persoalan ini Dr Muhammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī menyatakan, “Adapun *wahdah al-wujūd* dengan pengertiannya yang *falsafī* (yang mengertikan bahawa Tuhan dan alam adalah zat yang sama dan tidak terpisah) maka ianya adalah batil dan penganut fahaman tersebut menjadi kufur. Adapun *wahdah al-syuhūd* iaitu menyaksikan sifat-sifat Maha Pencipta di dalam segenap objek-objek yang diciptanya maka sesungguhnya ini adalah di antara sepenting-penting buah dan natijah keimanan kepada Allah.”<sup>55</sup>

### Beberapa Elemen *Bid‘ah* Yang Menyetakan Yang Dapat Dilihat Dalam Ajaran-Ajaran Kerohanian Tertentu

Kewujudan penyelewengan di dalam ajaran-ajaran kerohanian adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Menurut Dr ‘Umar ‘Abd Allāh Kāmil,<sup>56</sup> antara ajaran-ajaran *bid‘ah* atau fahaman-fahaman songsang yang pernah terjadi, diajar dan disalurkan di

<sup>53</sup> Perlu dijelaskan di sini bahawa ungkapan “dia tidak melihat dirinya.....” janganlah diertikan sebagai dia menjadi tidak sedar secara mutlak sehingga kehidupan sehariannya menjadi bercelaru dan tak menentu arah seperti orang gila. Ungkapan di sini hendaklah diertikan sebagai “dia telah tenggelam di dalam menyaksikan keesaan Tuhan sehingga dia memandang, melihat dan merasai bahawa segala perbuatan-perbuatannya ikhtiarnya adalah digerakkan oleh Allah semata-mata”

<sup>54</sup> Abdul Samad al-Jawi (2003), *Siyar al-Sālikin*, Cetakan 1. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, j. 4, hh. 213-214.

<sup>55</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī (2005), *Hādhā Wāliqī*, Cetakan ke 5. Beirut : Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, h. 112.

<sup>56</sup> ‘Umar ‘Abd Allāh Kāmil (2001), *op.cit.*, hh. 247-263.

<sup>57</sup> Yang tersurat.

dalam gerakan-gerakan kerohanian yang bertemakan Islam yang jelas tersasar daripada Islam adalah seperti :

1. Mendakwa bahawa Iblis serta kunci-kuncunya terlepas daripada siksaan Tuhan di Akhirat;
2. Mendakwa bahawa orang yang bertakwa dan orang kafir adalah sama sahaja pada pandangan dan penilaian Allah;
3. Mendakwa bahawa ahli Neraka sebenarnya merasai kelazatan di dalam Neraka. Golongan ini mendakwa bahawa lafaz *al-'adhāb* membawa maksud sedap dan nikmat;
4. Dakwaan ahli Neraka tidak kekal di dalam Neraka;
5. Dakwaan bahawa Firaun pada hakikatnya terlepas daripada seksaan Allah selepas kematiannya;
6. Dakwaan pengguguran taklif agama (*suqūt al-taklif*) apabila seseorang itu telah sampai ke martabat-martabat kerohanian tertentu;
7. Dakwaan ahli-ahli tasawuf yang tersasar bahawa al-Quran mempunyai aspek *zāhir*<sup>57</sup> (*syarī'ah*) dan *bāṭin* (*haqīqah*)<sup>58</sup> di mana elemen batin al-Quran, menurut mereka, adalah berbeza dan berlainan daripada elemen zahir al-Quran. Apabila kefahaman seumpama ini diterima maka banyaklah daripada ayat-ayat al-Quran yang dipesongkan pentafsirannya, iaitu ditafsirkan dengan tafsiran yang amat berbeza daripada apa yang dapat difahami daripada maksud tersurat sesuatu ayat. Menurut Imam al-Ghazali, dakwaan seperti ini adalah jelas tersasar kerana istilah *al-Syarī'ah* dan *al-Haqīqah*, di dalam ilmu tasawuf yang sebenar, pada realitinya merujuk kepada satu elemen yang sama dan tidak terpisah di mana aspek batin al-Quran tidak boleh di dalam apa jua keadaan menyalahi aspek zahirnya;
8. Ajaran yang memperlekeh ilmu *fiqh* di mana menurut mereka adalah daripada kategori ilmu zahir sedangkan ilmu yang mereka capai melalui mujahadah-

---

<sup>58</sup> Yang tersirat.

mujahadah kerohanian mereka dianggap sebagai ilmu batin yang terkelompok dalam bahagian ilmu yang paling tinggi. Sesungguhnya sikap memperlekeh ilmu *fiqh* seperti ini jelas boleh membawa kepada murtad.

## **Kesimpulan**

Antara rahmat terbesar yang dibawa oleh Islam ialah Islam telah menggariskan kaedah-kaedah yang jelas, membentangkan jalan yang sejelas-jelasnya dan seluas-luasnya bagi sesiapa sahaja yang ingin meraih keredaan Allah. Kepelbagaian bentuk dan rupa ibadat-ibadat sunat atau *mustahabb* di dalam Islam membolehkan setiap Muslim memilih pendekatan-pendekatan yang didapatinya paling bersesuaian dengan naluri, minat dan kecenderungan semula jadinya. Walaupun mungkin para ulama yang muktabar tidak sependapat di dalam menilai kaedah amalan-amalan ibadat tertentu, namun perselisihan ini tidak sewajarnya mengheret kita ke kancah yang tidak diingini sehingga menghukum amalan-amalan yang tidak disepakati itu sebagai suatu *bid'ah* yang menyesatkan lalu menghukum pengamal-pengamalnya sebagai fasiq, kafir dan sesat. Umat Islam sewajarnya dididik untuk membezakan antara amalan *bid'ah* yang jelas tersasar daripada prinsip-prinsip teras al-Quran dan al-Sunnah daripada kaedah beramal ibadat yang pelbagai, yang diperselisihkan kedudukannya oleh para ulama.